



Should Sarawak pull out of Malaysia?

Dr. John Brian Anthony on June 25th, 2008

Versi Bahasa Malaysia menyusul di akhir artikel ini.

Giving Sarawak \$1 billion is a waste of public money. Why did the PM give it to Sarawak? There is no need to reward them for winning the PRU12 - after all without BN Sarawak is nothing.

The above statement was directed at Sarawak by a 33 years old man living in Petaling Jaya, Selangor. In the first place, what has Sarawak done to help Malaysia he said. Being a Dayak Iban from Sarawak - it gives me a great insight on the thinking of young West Malaysian and their knowledge of Malaysia as a whole.

Where is the oil money from sarawak?

I was thinking - whose money was used to build PETRONAS TWIN tower, the MENARA Kuala Lumpur, the Malaysian capital - PUTRA JAYA. If these projects were built by PETRONAS, then most of the money would have come from Sarawak and Terengganu. Why build such project in Kula Lumpur - it should be built in Bintulu or Miri, so those working for PETRONAS would stay in Bintulu / Miri, spent their income in Sarawak and tourist would come and see the TWIN towers in Sarawak. It would have made Sarawak richer. Now this project is put inside Wilayah - and young west Malaysia took it for granted that it comes from their father's pocket. For Sarawakian, we were made poor by PETRONAS, and even poorer by our State leader for not fighting hard enough to ask for an increase in oil royalty.

Many young Sarawakian - much more than before responded to the suffering of the Sarawak people today by thinking aloud, should we not **PULL OUT of MALAYSIA**. What have we gained by joining Malaysia?

WHERE ARE THE MONEY?

Looking at the physical development of Sarawak, it lacks so many things even the most basic needs - road, water, electricity, education and health. Why are we still so dependent on river transport? Why are Sarawak trunk roads in such poor condition and lack proper facilities for drivers. Why are clean drinking water so difficult to get and still no electricity to dwelling places that are located in some urban areas and most sub-urban areas.

Money from timber? Has it gone into the pocket of elite businessman and corrupted politician and civil service officers. A timber tug boat operator now own Shin Yang, one of the largest timber company and has hundreds and thousand of acres of plantation land-how can that be? It can be - when the chief politician made it so. In the process, the people



of Sarawak are deprived of its wealth generated from valuable tropical trees that the natives has held it so dear to their heart. The jungle is the major provider of their needs. For the rich man, he sent in gangsters to his estate to subdue any dayak from making complaint and demand for a better living. Dayak got the wrong end of the stick in ALL cases.

Money from oil?

Many are asking what has happened to the money we get from oil royalty? We are now suffering from oil price hike now, when did we enjoy money from oil then? Price of gas cylinder for cooking is reaching \$180.00 per tank in rural Sarawak. The natives could not understand that such products are produced in Bintulu - from Sarawak gas field and we are paying that high a price. The West Malaysian are paying much less - and they are the one that has no gas -when we take Terengganu equation out. Why are we not seeing good schools and health care for the rural folks. The “Flying doctors” service is still too limited, while billion worth of hospitals are build in West Malaysia - not one but many in just one city. In Sarawak - the Sarawak General Hospital was built maybe 4 decades ago. Do we have a new one - the answer is NO? We do have new expansive private hospital that poor rural folks has no chance of using it as they don't have money.

Money fro hydro-dam

The Batang Ai hydro dam has now shown the true problems caused by relocation of the people living in the area. No land to expand their farming activity, SALCRA providing minimum wages for their work in the plantation and low return from their share in Salcra. The gov't has short change the people - and the same gov't headed by the same person after 30 plus years is ignoring the plight of the poor people in Lubuk Antu. You just need to go to Lubuk Antu - what major economic activities has been implemented? The answer is NONE - as the gov't idea of helping the poor rakyat is just “give them” not training them to have skill and knowledge to better themselves. Some Dayak leaders are there, to ensure that the Dayak do not progress and therefor easier control for political gain. Are electricity made available to longhouses and villages in nearby areas? The answer is NO.

The Bakun dam is near completion. Is it going to benefit Sarawak poor - the answer is NO. It will feed the richer West Malaysian State, to provide power to their industry. Why don't they relocate their industry to Sarawak? Too expansive, Sarawak lack basic infrastructure, it lacks skill worker, it has limited port facilities, poor transport system, it lacks town that can provide comfort for the employee etc - . That goes to show that the rich suck on the poor man resources and are not paying for such resources in a correct manner. Otherwise - why are the poor getting poorer? Why should we still stay with Malaysia?

Money from palm oil plantation



Where is the money earned from plantation? We all know that the biggest plantation companies are from West Malaysia and UMNO link company. Just go to their office, the senior management teams and managers are West Malaysian. The field supervisors and labourers are local Sarawak - we can't help but feel "colonised" and made second class citizen of Malaysia. Our prime land are taken to feed West Malaysian - who felt in turn that giving \$1 billion to Sarawak is a waste of public money. Not even after Sarawak gave the BN government its valuable support - we feel very disappointed and hurt by this attitude. It is time for Sarawakian to think about leaving Malaysia.

Leaving Malaysia - why?

Sarawak has not received what is due to them. Sarawak has been side-line and ignored - no senior position in the Federal Civil Service, No senior members in the police and army, no important position in the cabinet, Sarawak bumiputera is even 4th class in the ranking behind the major races in West Malaysia. We didn't join Malaysia - to learn only to speak Bahasa Malaysia and Islam as our official religion - causing hardship to people from other faith to get government financial support and respect. We did not join Malaysia to champion "Ketuanan Melayu" and be made used of by UMNO elitist to further their hold on political power and corrupted practice.

We want justice, we want equality, we want respect, we want dignity in our life. We do not need to "bow" and "kneel" and "plead" for what is rightly ours. We want our money to develop ourselves and be able to live a better life. From frustration with the BN government under Abdullah, we are even thinking of leaving Malaysia. It has brought us untold misery and frustration with their bias leadership and poor planning accorded the state of Sarawak.

Dayak Political Party

WHY IS THE FEDERAL GOVERNMENT NO APPROVING DAYAK WISH TO FORM A POLITICAL PARTY KNOWN AS "MALAYSIAN DAYAK CONGRESS" ? They should ensure that the races are represented by political organization of their choice. We want to have our political freedom of choice and association. We do not want to feel that there is ethnic genocide in Sarawak too.

Sarawak for Sarawakian!!!!

It is the very policy and structure of BN government that is causing Sarawak to lag behind so far from the rest of Malaysia. The "white termite" can shout about nonsense - the Dayak are equal to the rest of the Malaysian population etc, because he wants to feel good about himself who has overstayed his welcome and value. The "white termite" make certain elite in the community rich beyond their wildest dream. Has this elitist help Sarawak poor - the answer is still NO.



Patutkan Sarawak Keluar Dari Malaysia?

Versi Bahasa Melayu diterjemahkan oleh [Sagaraptor](#)

Pemberian kepada Sarawak sebanyak RM1 Billion adalah pembaziran duit rakyat. Mengapa PM (Prime Minister) memberi duit itu kepada Sarawak? Tidak perlulah mereka diberi ganjaran atas kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihanraya ke-12 – lagipun siapalah Sarawak tanpa BN.

Rangkap di atas ditujukan kepada Sarawak oleh seorang lelaki yang tinggal di Petaling Jaya, Selangor. Kalau diikutkan, apakah yang pernah dilakukan oleh Sarawak untuk membantu Malaysia, tambahannya lagi. Sebagai Dayak Iban dari Sarawak – saya merenungkan dengan dalam mengenai pemikiran belia dari Semenanjung dan pendapat mereka mengenai Malaysia.

MANA DUIT MINYAK SARAWAK?

Saya berfikir sejenak - duit siapakah yang digunakan untuk membina MENARA KEMBAR PETRONAS, MENARA KUALA LUMPUR, dan pusat pemerintahan PUTRAJAYA. Sekiranya projek ini dibiaya oleh PETRONAS, maka dana tersebut adalah dari Sarawak dan Terengganu. Mengapa pula projek sedemikian dibina di Kuala Lumpur – ia sepatutnya didirikan di Bintulu atau Miri, jadi pekerja PETRONAS akat tinggal di Miri/Bintulu, membelanjakan pendapatan mereka dan pelancong akan datang untuk melihat MENARA KEMBAR di Sarawak. Ini akan menjadikan Sarawak lebih kaya. Tetapi projek ini diletakkan di dalam Wilayah Persekutuan – dan belia dari Semenanjung menyangka bahawa dana itu datangnya dari poket emak bapak dia. Bagi penduduk Sarawak, PETRONAS memiskinkan kita, dan menjadi lebih miskin lagi disebabkan pemimpin negeri tidak pernah meminta kenaikan royalty minyak.

Ramai belia Sarawak – lebih ramai daripada dulu memberi respon kepada penderitaan penduduk Sarawak dengan berpendapat – mengapa tidak KITA KELUAR dari MALAYSIA. Apakah faedahnya yang kita dapat dengan penyertaan kita dalam Malaysia?

DUIT LESAP KE MANA?

Melihat pembangunan fizikal di Sarawak, ternyata masih banyak yang kurang, lebih – lebih lagi kemudahan asas – jalan raya, bekalan air bersih, bekalan elektrik, pendidikan dan kesihatan. Mengapa kita amat memerlukan sungai sebagai medium pengangkutan? Mengapa jalan batu sangat teruk dan tiada kemudahan untuk para pemandu? Mengapa amat susah untuk mendapatkan bekalan air bersih dan tiada bekalan elektrik di penempatan yang berdekatan dengan bandar dan luar bandar?

Duit Hasil Balak

Kemungkinan besar semuanya sudah masuk ke dalam poket ahli politik dan penjawat awam. Pemilik bot tunda balak telah memiliki Shin Yang, salah sebuah syarikat balak yang



mempunyai lading ratusan malah ribuan ekar – adakah itu betul? Tidak mustahil – dengan restu ketua pemimpin politik. Ketika itulah rakyat Sarawak dengan hati yang berat dan pedih terpaksa menyerahkan kekayaan dari hutan tropika yang sudah sebatu dengan hidup mereka. Hutan itulah nadi mereka. Bagi mereka yang berduit, mereka akan menghantar penyangak dan penjahat ke estet mereka bagi mengekang mana - mana Dayak yang mengadu untuk mendapatkan kehidupan yang lebih sempurna. Akhirnya semua kesalahan dijatuhkan bulat – bulat ke atas masyarakat Dayak.

Duit Hasil Minyak

Ramai yang bertanya, ke manakah perginya duit hasil royalty minyak? Kita sekarang bergelumang dengan kepahitan hasil kenaikan harga minyak, sampai bila kita akan dapat menikmati hasil minyak? Harga setong gas memasak mencecah RM180.00 di sesetengah kawasan luar bandar Sarawak. Penduduk pribumi tidak tahu menahu yang produk tersebut dikeluarkan di Bintulu – iaitu padang gas di Sarawak. Penduduk Semenanjung membayar harga yang jauh lebih rendah dari itu – mereka langsung tiada gas – dengan Terengganu dikecualikan. Mengapa tiada sekolah dan perkhidmatan kesihatan yang baik disediakan untuk penduduk luar bandar. Perkhidmatan “doktor terbang” amat terbatas – manakala jutaan ringgit dibelanjakan untuk membina hospital di semenanjung – bukan satu, malah beberapa buah hospital di suatu bandar. Di Sarawak – Hospital Umum Sarawak dibina sekitar 40 tahun yang lepas. Adakah hospital baru dibina untuk kita – jawapannya TIDAK? Kita memang ada hospital swasta yang baru tetapi golongan dari luar bandar tidak mampu untuk membayar harganya.

Hasil Duit Hidro

Empangan Stesen Janakuasa Elektrik Hidro Batang Ai akhirnya menimbulkan pelbagai masalah akibat pemindahan penduduk sekitarnya. TIADA tanah baru dapat dibuka bagi mengembangkan aktiviti bercucuk tanam, SALCRA pula hanya menawarkan upah yang kecil bagi mereka yang bekerja di ladang dan pulangan yang kecil hasil perkongsian dengan SALCRA. Kerajaan tidak inginkan penduduk berubah – dan kerajaan yang samalah diketuai oleh pemimpin yang sama menafikan bahawa penduduk Lubuk Antu hidup serba kekurangan, daif dan miskin. Berkunjunglah ke Lubuk Antu – adakah sebarang rentak ekonomi yang besar dijalankan di sana. Jawapannya TIDAK ADA – disebabkan oleh idea kerajaan yang cuma “memberi” bukannya melatih dan mengajar mereka ilmu pengetahuan serta kemahiran yang berguna. Sesetengah pemimpin Dayak di kawasan itu, memastikan agar sesetengah Dayak terus mundur supaya mudah untuk diperdayakan bagi kepentingan politik. Adakah bekalan elektrik disalurkan kepada penghuni rumah panjang berdekatan? Jawapannya TIDAK.

Empangan Bakun pula hampir siap. Adakah ia akan memberi manfaat kepada penduduk yang miskin? Jawapannya TIDAK. Ia akan menambah kekayaan negeri – negeri yang kaya di semenanjung, untuk membekalkan tenaga bagi aktiviti perindustrian. Mengapa pusat industri sedemikian tidak dipindahkan ke Sarawak? Terlalu mahal, kekurangan infrastruktur asas di Sarawak, kekurangan tenaga kerja mahir, kemudahan pelabuhan yang terhad, sistem pengangkutan yang teruk, kekurangan bandar bandar yang memberikan



keselesaan kepada para pekerja dan sebagainya. Itu menunjukkan bahawa orang yang kaya raya tengah meratah sumber – sumber dari yang miskin dan tidak memberikan bayaran yang setimpal. Jika tidak – mengapa pula yang miskin terus menerus hidup dalam kesempitan. Mengapakah kita harus kekal di dalam Malaysia.

Duit Hasil Perladangan

Ke manakah hasil yang diperolehi dari aktiviti perladangan? Kita semua sedia maklum bahawa syarikat – syarikat perladangan raksaksa dimiliki adalah dari semenanjung dan mempunyai hubung kait yang rapat dengan UMNO. Datanglah ke pejabat mereka, anda akan mendapati kebanyakan jawatan besar dan kumpulan pengurusan adalah dari semenanjung. Penduduk pribumi Sarawak pula hanyalah sebagai penyelia dan pekerja sahaja – kita tidak mampu berbuat apa – apa tetapi kita dapat merasakan seolah – olah dijajah dan dilayan sebagai rakyat kelas kedua. Hasil tanah kita diambil bagi disuapkan ke semenanjung – yang merasakan RM1 billion sebagai pembaziran. Walaupun selepas Sarawak memberikan sokongan tidak berbelah bagi kepada kerajaan BN – kita merasa amat kecewa dan terkilan oleh sikap mereka. Inilah masanya untuk rakyat Sarawak merenungkan betapa perlunya kita meninggalkan Malaysia.

TINGGALKAN MALAYSIA - KENAPA?

Sarawak tidak pernah menjamah apa yang sepatutnya. Sarawak dipinggirkan dan tidak dipedulikan – tiada jawatan penting didalam Perkhidmatan Awam Persekutuan, tiada jawatan penting dalam polis dan tentera, tiada jawatan penting dalam Kabinet, malah bumiputera Sarawak digolongkan sebagai warga kelas ke-4 di belakang bangsa lain di Semenanjung. Kita tidak menyertai Malaysia semata – mata untuk belajar bertutur Bahasa Malaysia dan memahami konsep Islam sebagai agama rasmi – yang menyebabkan kesukaran penganut agama lain untuk mendapatkan perhatian dan dana dari kerajaan. Kita tidak menyertai Malaysia bagi mengukuhkan konsep “KETUANAN MELAYU” yang dijadikan bahan mainan elit UMNO bagi mengembangkan kerjaya politik mereka yang bermandikan rasuah.

Kita mahu keadilan, kita menuntut hak persamaan, kita inginkan penghormatan dalam hidup kita. Tidak perlu rasanya kita “tunduk” dan “berlutut” seta “merayu” bagi meminta apa yang sepatutnya memang menjadi hak kita. Kita mahu duit sendiri bagi pembangunan dan kehidupan yang lebih sempurna. Kekecewaan dengan kerajaan Barisan Nasional menyebabkan kita terdetik untuk meninggalkan Malaysia. Pengaruh kepimpinan dan perancangan yang tidak sesuai terhadap negeri Sarawak meletakkan kita di dalam kesengsaraan dan kekecewaan yang tidak pernah diketahui oleh sesiapaapun.

PARTI POLITIK DAYAK

MENGAPA KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK MELULUSKAN PERMOHONAN MASYARAKAT DAYAK UNTUK MENUBUHKAN PARTI YANG DIKENALI SEBAGAI “MALAYSIAN DAYAK CONGRES”. Mereka patut faham yang setiap bangsa diwakili oleh organisasi politik pilihan masing – masing. Kita mahukan kebebasan politik dalam memilih organisasi. Janganlah sampai kita merasakan yang penghapusan etnik sedang berlaku juga di Sarawak.



SARAWAK UNTUK SARAWAK

Polisi dan penstrukturan oleh kerajaan BN menyebabkan Sarawak terlalu jauh ketinggalan di seluruh Malaysia. “Pak Uban” pula tidak habis – habis mengarut mengatakan – Dayak adalah setaraf dengan masyarakat lain di Malaysia dan sebagainya, sebab dia ingin menggembirakan dirinya yang sudah terlalu lama dan terlebih nilai. “Pak Uban” juga telah mewujudkan golongan elit yang kaya raya jauh melangkau mimpi mereka. Adakah golongan kaya raya ini menolong penduduk miskin di Sarawak. Jawapannya masih TIDAK.